

# Tun M dan Zahid berdamai, utamakan rakyat

BERITA HARIAN 23 JUL 2025 m/s 8

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamid bersetuju dengan saranan Mahkamah Tinggi untuk menyelesaikan kes saman berkaitan nama bekas Perdana Menteri itu di luar mahkamah demi mengutamakan kepentingan rakyat dan memulihkan keharmonian dalam kalangan pemimpin negara.

Menurut kenyataan bersama Dr Mahathir dan Ahmad Zahid, kedua-dua pihak sehubungan itu bersetuju menghentikan pertikaian peribadi antara mereka melalui kedua-dua tuntutan saman fitnah yang difailkan masing-masing.

Kenyataan berkenaan dibacakan peguam mewakili Dr Mahathir, Mior Nor Haidir Suhaimi bagi mewakili kedua-dua pihak, pada sidang media di Lobi Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, di sini semalam.

Mior Nor Haidir berkata, kedua-dua pihak mengakui terdapat kenyataan sebelum ini



Mior Nor Haidir (kiri) dan Mohamed Shahrul Fazli pada sidang media di Lobi Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

menimbulkan kekeliruan dan salah faham berkaitan identiti dan integriti peribadi mereka.

“Namun, perkara ini telah diperjelaskan dengan sewajarnya

oleh pihak-pihak. Ahmad Zahid tidak mempertikaikan nama Dr Mahathir seperti yang didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah Mahathir

bin Mohamad dan sebarang kenyataan sebelum ini yang menimbulkan tanggapan sebaliknya telah dibuat berdasarkan maklumat daripada Ketua Pengarah JPN yang mana Ahmad Zahid tiada sebab untuk meragui pada ketika itu.

“Pihak-pihak dengan ini menarik balik sebarang rujukan kepada kewujudan dokumen pengenalan dengan nama ‘Mahathir a/l Iskandar Kutty’.

“Dr Mahathir pula tidak mempertikaikan kenyataannya pada 23 Februari 2022 berkenaan siasatan atau prosiding jenayah terhadap Ahmad Zahid adalah berdasarkan kepada maklumat daripada pihak ketiga yang mana Dr Mahathir tiada sebab untuk meragui pada ketika itu,” kata kenyataan itu.

Mior Nor Haidir berkata, tambahan pula, Dr Mahathir sudah melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri Ke-7 dan tidak berada di dalam kerajaan pada ketika kedua-dua situasi

yang dirujuk dalam kenyataan terbabit.

Katanya, kedua-dua pihak dengan itu menarik balik sebarang rujukan kepada cubaan Ahmad Zahid melalui apa-apa kenyataan atau pertemuan untuk menghentikan prosiding jenayah terhadapnya di luar lingkup proses kehakiman.

Sementara itu, peguam Mohamed Shahrul Fazli Kamarulzaman yang mewakili Ahmad Zahid, berkata berdasarkan pernyataan itu, kedua-dua pihak percaya subjek utama dalam pertikaian antara mereka sudah dijelaskan dan tidak lagi berbangkit.

“Penyelesaian ini bertujuan bukan sahaja untuk menamatkan prosiding sivil yang sedang berjalan, tetapi juga mengukuhkan semangat perpaduan, mempertingkatkan keyakinan rakyat terhadap kepemimpinan negara serta menghormati prinsip keluhuran Perlembagaan dan institusi kehakiman,” katanya.